

## Institusi Kumpulan Cosmopoint Tawarkan Program Artikulasi Bersama Universiti Terkemuka Dunia

**22 April 2016, Kuala Lumpur** – Institusi Kumpulan Cosmopoint iaitu Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint menawarkan program artikulasi bersama University of Central Lancashire (UCLan), United Kingdom dan Vincent Pol University (VPU), Poland.

En. Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn. Bhd. yang juga merupakan Pemangku Naib Canselor KLMUC berkata, “Cosmopoint mempunyai kedudukan yang kukuh selama 25 tahun dalam industri pengajian tinggi swasta dan komited menumpukan kaedah pendekatan pengalaman pembelajaran Aplikasi Dunia Nyata kepada para pelajar. Oleh itu, sudah tiba masanya bagi KLMUC dan Kolej Cosmopoint mengadakan inisiatif kerjasama dengan universiti terkemuka dunia menerusi tawaran program artikulasi yang diiktiraf. ”

### Program Artikulasi KLMUC bersama University of Central Lancashire (UCLan), United Kingdom

Artikulasi melibatkan program Diploma dan Ijazah daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan & Teknologi serta Seni Reka & Kreativiti. Butiran artikulasi adalah seperti dalam senarai berikut:

Program tamat @ KLMUC	Ijazah Tahun Akhir @ UCLan (1 Year)
Diploma Perakaunan	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan & Pengajian Kewangan
Diploma Jualan & Pemasaran	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Komunikasi Pengiklanan & Pemasaran
Diploma Seni Reka	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Seni Reka Fesyen

Program @ KLMUC	Tahun Akhir @ UCLan (1 Tahun)
Ijazah Perkaunan & Kewangan Tahun 1 & 2	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan & Pengajian Kewangan
Ijazah Pemasaran Tahun 1 & 2	Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Komunikasi Pengiklanan & Pemasaran

*\*Syarat kelayakan bagi pelajar KLMUC untuk program artikulasi di UCLan: Minimum CGPA 2.6 dan IELTS 6.0 atau setara.*

Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu turut menawarkan program artikulasi Diploma Perakaunan. Program artikulasi tersebut adalah sama dengan Diploma Perakaunan yang ditawarkan di KLMUC, yang mana graduan berpeluang menyambung pengajian di tahun akhir dalam Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Perakaunan & Pengajian Kewangan.

Pemohon daripada KLMUC dan Kolej Cosmopoint yang mendaftarkan diri dalam program artikulasi di UCLan pada tahun 2016/2017 akan mendapat tajaan biasiswa bernilai £1,500 (anggaran RM8, 515).

#### **Program Artikulasi KLMUC bersama Vincent Pol University, Poland**

KLMUC mengadakan artikulasi bersama VPU bagi program Diploma dan Ijazah daripada Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan. Butiran artikulasi adalah seperti dalam senarai berikut:

Program	KLMUC	Program	VPU
Diploma Pengurusan Hotel & Pelancongan	2 tahun	Ijazah Sarjana Muda Sastera Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti	1 ½ tahun
Diploma Fisioterapi	2 tahun	Ijazah Sarjana Muda Sains Fisioterapi	1 ½ tahun

Selain itu, kerjasama KLMUC dengan VPU menerusi 'Erasmus+ Programme' menyediakan peluang kepada para pelajar KLMUC untuk menjalani latihan atau pengalaman profesional di Poland. Selain itu, penajaan biasiswa sepenuhnya kepada para pelajar memberikan peluang untuk mereka merasai suasana pengajian di luar negara. Ianya merupakan kelebihan kepada pelajar yang bersaing mendapatkan tempat dalam pekerjaan.

"Kami bukan sahaja komited dalam menawarkan program artkulasi yang diiktiraf, malahan kami menyediakan suasana persekitaran pembelajaran yang baik dan berkualiti. Kami yakin bahawa kerjasama dengan UCLan dan VPU yang berpengalaman dalam menguruskan pelajar antarabangsa akan memberikan impak positif dan pembelajaran yang berharga kepada mereka," tambah Kamal.

Layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my) atau hubungi talian bebas tol 1-800-88-5568 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## TAMAT

### Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

### Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 50 program di bawah 6 fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang

relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.klmuc.edu.my](http://www.klmuc.edu.my)

#### Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulinari dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

**Untuk sebarang pertanyaan media:  
Cosmopoint Sdn Bhd**

**Elyantie Mohamed**  
**Pengurus Penjenamaan & Komunikasi**  
Tel: (603) 2604 6113  
E: [elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my](mailto:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my)